



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil atau memohon Kad Kredit-i Bank Rakyat. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat yang berkaitan.

1 Apakah itu produk Kad Kredit-i Bank Rakyat?

- a) Kad Kredit-i Bank Rakyat adalah kad kredit berlandaskan Syariah dengan had pembiayaan yang diberikan kepada pemegang kad dan di mana jumlah yang telah digunakan belum lagi dijelaskan secara penuh pada atau sebelum tarikh yang ditentukan, jumlah baki yang belum dijelaskan tersebut adalah tertakluk kepada caj keuntungan.
- b) Kad Kredit-i Bank Rakyat berfungsi sebagai satu instrumen pembayaran yang memberikan kemudahan dan keselamatan di dalam membuat transaksi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan Patuh Syariah di rangkaian saudagar-saudagar yang menyertai *MasterCard* di seluruh dunia.

2 Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Kemudahan pembiayaan adalah di bawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa`d daripada pihak pelanggan, Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi berserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai ejen pelanggan, Bank menjulkannya kepada pembeli pihak ketiga dengan cara tunai.

Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun Wadi`ah bagi membolehkan pelanggan melakukan urusanniaga pembelian barangan atau lain-lain perkhidmatan.

3 Apa yang akan saya perolehi dari produk ini?

Antara kelebihan-kelebihan yang diperolehi melalui produk ini adalah seperti berikut:

- a) Had Pembiayaan bagi Kad Kredit-i Bank Rakyat ditentukan berdasarkan pendapatan tahunan pemohon. Walau bagaimanapun had pembiayaan adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Bank Rakyat dengan had minima seperti berikut:

Jenis Kad Kredit-i	Had minima (RM)	Pendapatan Tahunan (RM)
Platinum	20,000	> 60,000
Emas	8,000	> 36,000
Klasik	3,000	> 24,000 <36,000

- b) TIADA elemen berganda

- c) PERCUMA Perlindungan Takaful ke atas baki tertunggak dan Khairat Kematian (RM1,000).



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

- d) Kadar keuntungan RENDAH di bawah Struktur Kadar Keuntungan Berperingkat Kad Kredit-i Bank Rakyat.

Peringkat/Tier	Kadar Keuntungan Setahun	Kriteria
Tier 1: Bayaran minima diterima sebelum atau pada Tarikh Akhir Bayaran untuk 9 bulan berturut-turut	13.5%	Bukan Anggota Saham Bank Rakyat
	13.0%	Anggota Saham Bank Rakyat
Tier 2: Bayaran minima diterima sebelum atau pada Tarikh Akhir Bayaran untuk 6 bulan atau lebih dalam tempoh 9 bulan	16.0%	Bukan Anggota Saham Bank Rakyat
	15.5%	Anggota Saham Bank Rakyat
Tier 3: Tidak memenuhi syarat-syarat Tier 1 dan Tier 2 di atas.	17.5%	Bukan Anggota Saham Bank Rakyat
	17.0%	Anggota Saham Bank Rakyat

- e) Tempoh Bebas Caj Keuntungan
➤ 20 hari dari tarikh urusaniaga (pembelian runcit sahaja)
- f) Rakyat Rewards
➤ 1 mata ganjaran bagi setiap RM10 penggunaan. Mata ganjaran tersebut kemudiannya ditukarkan kepada tunai pada kadar RM0.10 bagi setiap 10 mata ganjaran.
- g) Rebat Keuntungan (Tabung Rakyat Rewards), seperti dibawah:

Perkara	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Kemudahan 'auto debit'	0.5%	0.5%	0.5%
Rekod pembayaran yang baik	1.0%	1.0%	1.5%
Lain-lain kemudahan pembiayaan di Bank Rakyat	0.5%	1.0%	1.0%
Jumlah Rebat (Tabung Rakyat Rewards)	2.0%	2.5%	3.0%

- h) Pembayaran Zakat
➤ Kad diterima untuk pembayaran zakat.
- i) Diskaun istimewa di bawah program Tempahan Mel / Tempahan Telefon (MOTO)
➤ Tawaran bagi program ini akan dihantar bersama penyata bulanan kad kredit-i dari masa ke semasa.
- j) Pertukaran Urusniaga Luar Negara
➤ Transaksi yang dilakukan di luar Malaysia akan ditukarkan nilainya kepada Dollar Amerika Syarikat melalui *MasterCard International* semasa tarikh penerimaan transaksi dan/atau pemprosesan oleh Bank. Nilai Dollar ini kemudiannya ditukarkan kepada Ringgit Malaysia. Kadar pertukaran mungkin berbeza mengikut perubahan pasaran dan jumlah yang ditukarkan itu tertakluk kepada kadar pertukaran semasa pemprosesan transaksi dilakukan
- k) Peruntukan Pembayaran
➤ Bayaran kad kredit yang diterima daripada pemegang kad akan diperuntukkan untuk menyelesaikan baki belum jelas berdasarkan baki dengan kadar keuntungan yang lebih tinggi dahulu.



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Nota :

- i) Transaksi di kaunter pedagang-pedagang yang menawarkan barangan atau perkhidmatan tidak halal adalah disekat.
- ii) Penebusan mata ganjaran Rakyat *Rewards* dan rebat keuntungan:
 - Nilai mata ganjaran Rakyat *Rewards* boleh digabungkan bersama jumlah Tabung Rakyat *Rewards* (rebat keuntungan) yang diperolehi oleh pemegang kad pada setiap bulan (Rujuk Jadual Jumlah Mata Terkini & Tabung Rakyat *Rewards*).
 - Pemegang kad boleh memilih untuk menebus mata ganjaran Rakyat *Rewards* dan/atau Tabung Rakyat *Rewards* (rebat keuntungan) melalui kaedah berikut:
 1. Cek
 2. Kredit ke dalam Akaun Simpanan Bank Rakyat
 3. Kredit ke dalam Akaun Kad Kredit-i Bank Rakyat (Pengurangan pada baki belum jelas kad kredit)
 4. Pakej Umrah/Percutian
 - Permohonan penebusan boleh dibuat dengan menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 atau emel kepada kkredit@bankrakyat.com.my.

4 Apakah tanggungjawab yang perlu saya laksanakan sekiranya saya melanggan produk ini?

- a) Bayaran minima bulanan 5% daripada jumlah baki yang masih belum dijelaskan atau RM50 yang mana lebih tinggi, sehingga bayaran penuh dibuat ke atas baki tertunggak.
- b) Memastikan Kad Kredit-i ini tidak digunakan untuk sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk yang berkaitan dengan penggubahan wang haram dan/atau tujuan-tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah, samada secara langsung ataupun tidak langsung (sengaja/tidak sengaja).
- c) Menjaga keselamatan kad dan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN).
- d) Laporkan kepada pihak Bank dengan SEGERA di talian 03-2692 4600 atau 03-2693 6880 sebaik sahaja anda menyedari bahawa kad kredit-i dan/atau nombor PIN anda telah hilang/dicuri dan disusuli dengan pengesahan bertulis, berserta laporan polis bagi memudahkan proses siasatan di pihak Bank.
- e) Sebagai pemegang kad utama, anda bertanggungjawab terhadap semua liabiliti dan obligasi yang dilakukan oleh pemegang kad tambahan.

5 Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan Caj	Huraian		
1. Yuran Tahunan ¹	Jenis Kad	Kad Utama (RM)	Kad Tambahan (RM)
	Platinum*	411.28	159
	Emas**	150	80
	Klasik**	60	30



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

	<p>Nota :</p> <p>* Tahun pertama dikecualikan tanpa syarat. Tahun kedua dan seterusnya dikecualikan dengan syarat sekurang-kurangnya satu (1) penggunaan (minima RM0.01) setahun.</p> <p>** Yuran tahunan adalah DIKECUALIKAN sepanjang tempoh kontrak (3 tahun).</p>													
<p>2. Bayaran Perkhidmatan Pengeluaran Tunai¹</p>	<p>Jadual fi perkhidmatan pengeluaran tunai adalah seperti dibawah:</p> <table border="1" data-bbox="544 703 1388 976"> <thead> <tr> <th>Saluran</th> <th>Jumlah setiap pengeluaran tunai</th> <th>Fi perkhidmatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">ATM atau kaunter Bank Rakyat</td> <td>Sehingga RM660</td> <td>RM21.20</td> </tr> <tr> <td>Melebihi RM660</td> <td>*3% atas jumlah pengeluaran tunai.</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">ATM atau kaunter bank-bank lain</td> <td>Sehingga RM400</td> <td>RM21.20</td> </tr> <tr> <td>Melebihi RM400</td> <td>*5% atas jumlah pengeluaran tunai.</td> </tr> </tbody> </table> <p>(*Caj/ Fi yang dinyatakan dalam % masih belum termasuk 6% GST)</p> <p>Nota:</p> <p>a) Pengeluaran tunai melalui ATM atau kaunter Bank Rakyat akan dikenakan fi sebanyak 3% atau RM21.20 yang mana lebih tinggi,</p> <p>b) Pengeluaran tunai melalui ATM atau kaunter bank-bank lain, fi sebanyak 5% akan dikenakan ke atas jumlah pengeluaran tunai, atau RM21.20 yang mana lebih tinggi.</p>	Saluran	Jumlah setiap pengeluaran tunai	Fi perkhidmatan	ATM atau kaunter Bank Rakyat	Sehingga RM660	RM21.20	Melebihi RM660	*3% atas jumlah pengeluaran tunai.	ATM atau kaunter bank-bank lain	Sehingga RM400	RM21.20	Melebihi RM400	*5% atas jumlah pengeluaran tunai.
Saluran	Jumlah setiap pengeluaran tunai	Fi perkhidmatan												
ATM atau kaunter Bank Rakyat	Sehingga RM660	RM21.20												
	Melebihi RM660	*3% atas jumlah pengeluaran tunai.												
ATM atau kaunter bank-bank lain	Sehingga RM400	RM21.20												
	Melebihi RM400	*5% atas jumlah pengeluaran tunai.												
<p>3. Permintaan Salinan Penyata Bulanan Kad¹</p>	<p>RM5.30 akan dikenakan untuk setiap permintaan ke atas salinan Penyata Bulanan Kad.</p>													
<p>4. Permintaan Deraf Jualan¹</p>	<p>a) RM5.30 untuk setiap salinan <u>fotokopi</u> deraf jualan. b) RM15.90 untuk setiap salinan <u>asal</u> deraf jualan.</p>													
<p>5. Caj Penggantian Kad²</p>	<p>RM50 untuk setiap penggantian Kad Kredit-i Bank Rakyat yang dilakukan.</p>													
<p>Nota : ¹ Caj/ Fi yang dinyatakan dalam nilai RM adalah termasuk 6% GST. ² Caj/ Fi yang dinyatakan dikecualikan daripada 6% GST.</p>														
<p>6</p>	<p>Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?</p> <p>a) Caj Ganti Rugi (Ta'widh) sebanyak 1% daripada jumlah baki belum jelas atau minima RM10 dan maksima RM100, yang mana lebih tinggi sekiranya tiada bayaran diterima pada hari ke-4 selepas tarikh akhir pembayaran atau bayaran yang dibuat adalah kurang daripada 5% bayaran minima yang ditetapkan.</p>													



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

	<p>b) Pihak Bank berhak membatalkan Kad Kredit-i Bank Rakyat dan/atau apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan, menerusi notis bertulis tanpa memberikan apa-apa sebab dengan serta merta sekiranya didapati Pemegang Kad menggunakan kad kredit-i untuk sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk yang berkaitan dengan penggubahan wang haram dan/atau tujuan-tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah. Selepas penamatan kad tersebut, semua keuntungan dan caj lain hendaklah dengan serta-merta dibayar kepada Bank Rakyat.</p> <p>c) Kad-kad bagi pemegang kad tambahan juga akan dibatalkan serta-merta samada atas permintaan pemegang kad utama atau tidak.</p> <p>d) Jika gagal melaporkan kehilangan/kecurian kad dengan SEGERA, anda akan bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi tidak sah melalui penggunaan kad anda.</p> <p>e) Sila rujuk Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat di bawah fasal 15 bagi klausa berkaitan Kehilangan/Kecurian Kad dan Pendedahan PIN. Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat kad kredit-i, kami berhak menamatkan kad anda.</p>
7	Apakah risiko yang perlu saya tanggung?
	<p>a) Sekiranya anda hanya membuat bayaran minimum bulanan, caj keuntungan dan masa yang diambil untuk menyelesaikan semua baki tertunggak akan meningkat. Pembayaran secara penuh pada tarikh matang akan mengelakkan dari dikenakan sebarang caj keuntungan dan Caj Ganti Rugi (Ta`widh).</p> <p>b) Jika anda menggunakan kad kredit anda untuk membuat bayaran bagi pembiayaan yang lain, ia mungkin akan menambahkan kos anda.</p> <p>c) Caj keuntungan yang dikenakan atas baki yang belum dijelaskan bagi kad kredit-i ini adalah berdasarkan struktur kadar berperingkat mengikut rekod pembayaran ansuran/pembiayaan anda.</p> <p>d) Jika anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad kredit-i anda, hubungi kami bagi membincangkan alternatif pembayaran ansuran/pembiayaan.</p> <p>e) Liabiliti bagi urusniaga yang tidak dilakukan</p> <ul style="list-style-type: none">i) Liabiliti maksima untuk sebarang penggunaan kad tanpa kebenaran disebabkan oleh kehilangan atau kecurian kad adalah terhad kepada RM250, dengan syarat pemegang kad tidak melakukan sebarang penipuan, atau tidak gagal memaklumkan kepada Bank Rakyat dengan SEGERA sebaik sahaja mendapati Kad tersebut hilang atau dicuri.ii) Liabiliti pemegang kad untuk kerugian boleh melebihi jumlah maksima RM250 jika pemegang kad didapati telah melakukan penipuan atau gagal memaklumkan kepada Bank Rakyat dengan kadar segera. <p>f) Bank berhak untuk memindahkan sebarang baki kredit dalam akaun di Bank Rakyat tanpa sebarang sebab untuk membayar sebarang tunggakan akaun kad kredit-i dengan memberikan notis 7 hari kepada pemegang kad.</p> <p>g) Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda sekiranya anda tidak membuat bayaran yang sewajarnya bagi baki kad kredit-i anda.</p>



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

8	<p>Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat saya?</p> <p>Anda hendaklah menghubungi pihak Bank di nombor 03-2693 6880 (24 jam) dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat dan nombor telefon atau maklumat-maklumat lain bagi memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none">i) Urusan surat-menyurat dapat disampaikan mengikut masa yang ditetapkan.ii) Sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) dihantar bagi tujuan pengesahan transaksi penggunaan kad.iii) Sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) dihantar kepada anda ketika melakukan transaksi yang memerlukan penggunaan <i>One Time Password</i> (OTP). <p>Nota : <i>One Time Password</i> (OTP) adalah ciri keselamatan tambahan yang lebih selesa dan selamat untuk melindungi pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat ketika melaksanakan transaksi pembelian <i>online</i> atau internet dari laman sesawang saudagar yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan 3D Secure.</p>
9	<p>Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut tentang produk Kad Kredit-i ini?</p> <ul style="list-style-type: none">a) Untuk maklumat lanjut tentang Kad Kredit-i Bank Rakyat, sila rujuk risalah produk atau layari laman sesawang kami iaitu www.bankrakyat.com.my.b) Sebarang cadangan dan pertanyaan boleh disalurkan ke: Pusat Kad Bank Rakyat : 03-2693 6880 (24 jam) Pusat Panggilan Bank Rakyat : 1-300-88-1BANK (12265) (Isnin hingga Jumaat dari 7.30 pagi hingga 9.30 malam dan pada hari Ahad dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang)c) Sebarang aduan boleh dilaporkan kepada: Pusat Kad Bank Rakyat : 03-2693 6880 (24 jam) 03-2692 4600 (Kehilangan dan kecurian kad) Pusat Panggilan Bank Rakyat : 1-300-88-1BANK (12265) atau, menghantar aduan ke : Unit Biro Aduan Awam, Perkhidmatan Pelanggan, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat No 33, Jalan Travers 50470 Kuala Lumpur atau e-mail ke aduan@bankrakyat.com.my atau, hubungi Bank Negara : Block D, Bank Negara Malaysia, Malaysia LINK atau : Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur TELELINK di : Tel : 1-300-88-5465 No. Faks : 03-2174 1515 e-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

	d) Sewaktu berada di luar negara, sila laporkan kepada mana-mana bank pengeluar <i>MasterCard</i> atau <i>MasterCard Travel International Service Centre</i> bagi mendapatkan bantuan.
10	Di manakah saya boleh dapatkan bantuan apabila menghadapi masalah di dalam membuat bayaran ke atas Kad Kredit-i ini?
	<p>a) Anda boleh menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat di nombor seperti yang tertera di atas, atau:</p> <p>b) Anda boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Agensi ini ditubuhkan oleh BNM yang menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang individu. Anda boleh menghubungi AKPK di alamat:</p> <p>Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel : 1-800-88-2575 e-mail : enquiry@akpk.org.my</p>
11	Lain-lain Kad Kredit-i Bank Rakyat:
	<ul style="list-style-type: none">• Kad Platinum• Kad Emas• Kad Klasik• Kad Kredit-i Co-Brand Bank Rakyat-Takaful Ikhlas Berhad

PERINGATAN PENTING !

- a) **PRODUK INI TELAH DILULUSKAN OLEH AHLI JAWATANKUASA SYARIAH PADA 29 MAC 2007**
- b) **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI DAN DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN**
- c) **MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN DALAM HELAIAN PENDEDAHAN INI ADALAH SAH MULAI**
<current date>